

# 1,032 imam terima Bantuan Prihatin Pahang

Oleh [Shahrinnahar Latib](#) - Mac 10, 2021 @ 11:19am

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail menyampaikan sumbangan Bantuan Prihatin Pahang (BBP) kepada imam pada Majlis Penyerahan Sumbangan Bantuan Prihatin Pahang Tahun 2021 Bagi Zon Pahang Tengah di Kampung Ketam di sini semalam. - Foto SHAHRINNAHAR LATIB

TEMERLOH: Seramai 1,032 imam di seluruh Pahang menerima sumbangan berjumlah RM750 seorang menerusi program Bantuan Prihatin Pahang (BBP) yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM774,000 bagi tujuan bantuan itu.

"Selain menerima secara fizikal, imbuhan ini turut dikreditkan secara pindahan elektronik ke akaun penerima," katanya pada majlis penyerahan Sumbangan Bantuan Prihatin Pahang Tahun 2021 Bagi Zon Pahang Tengah di Kampung Ketam di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi negeri, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan negeri, Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Semantan, Datuk Nor Azmi Mat Ludin.

Wan Rosdy berkata, pada majlis yang sama, seramai 135 penerima bagi dua kategori iaitu Program BPP dan Bantuan Misi Pasca Banjir Kementerian Kewangan menerima sumbangan.

Sementara itu, seorang penerima BPP yang juga Imam Masjid Felda Kumai, Shamsuddin Hassan, 68, berkata, sumbangan itu dapat mengurangkan beban kewangan yang turut terjejas akibat pandemik COVID-19 ini.

"Alhamdulillah dapat beli barang keperluan harian. Terima kasih kerajaan Pahang yang menghargai peranan imam dengan menyalurkan bantuan ini," katanya.

Imam Desa Baru Purun, Ahmad Nafiri Mat Toazi, 65, bersyukur kerana menerima bantuan itu dan berharap tahun hadapan ada lagi peruntukan untuk Imam seperti ini.

"Semua bantuan yang diberikan akan digunakan dengan sebaiknya untuk membeli keperluan harian," katanya.